

Pencuci tandas pun ada 'standard'

MEMAKAI pakaian keselamatan, kasut getah, sarung tangan dan pelitup pernafasan, mereka seakan-akan dalam satu misi penting untuk membasmi penyakit berjangkit.

Namun, sebenarnya mereka adalah antara 51 pekerja pembersihan yang ditugaskan untuk 'membunuh' bukan sahaja kuman tetapi juga bau tidak enak dalam tandas.

Ia adalah antara latihan yang diberikan kepada para pekerja tersebut dalam satu kursus latihan intensif anjuran Maktab Tandas Antarabangsa yang diadakan selama tiga hari, bermula kelmarin.

Kursus yang disampaikan oleh tiga pelatih dari Jepun itu bertujuan melengkapkan pekerja pembersih tandas dengan kemahiran yang lapat menjadikan mereka pekerja lebih profesional.

Sepanjang kursus itu, peserta diajar cara-cara membersihkan tandas dengan lebih teliti dengan menggunakan teknik-teknik khas serta peralatan canggih untuk menghapuskan kotoran legil, sekali gus menjadikan tandas-tandas di sini lebih bersih.

Kursus tersebut adalah inisiatif Program Mereka Semula Pekerja (JRP) bagi sektor tan-



foto The Straits Times

MENINGKATKAN KEMAHIRAN: Pekerja pembersih tandas ini memakai pakaian keselamatan sebelum memulakan latihan praktikal.

das.

Seorang peserta daripada syarikat Cleaning Express, Cik Rusnah Ghaibil, 43 tahun, berkata: "Kami diajar cara-cara membersihkan tempat sulit dalam tandas. Kami juga diajar meng-

gunakan sabun pencuci yang sesuai untuk kotoran tertentu.

"Selama ini saya bersihkan kotoran yang dapat dilihat sahaja sedangkan kotoran yang tersembunyi di celah-celah juga sepatutnya di-

bersihkan.

"Sekarang saya sudah ada pengalaman dan kemahiran baru, saya tak mahu pembersih tandas dianggap tidak ada *standard*."

"Kami pun profesional juga."

"Selama ini saya bersihkan kotoran yang dapat dilihat saja sedangkan kotoran yang tersembunyi di celah-celah juga patut dibersihkan. Sekarang saya sudah ada pengalaman dan kemahiran baru, saya tak mahu pembersih tandas dianggap tidak ada standard. Kami pun profesional juga."

— Cik Rusnah Ghaibil, peserta kursus.